

11/03/2004

Calon kawasan tanah lapang dan Datuk Malik

"JIKA Arnold Schwarzenegger boleh jadi Gabenor California, kenapa Datuk Malik (Mydin) tidak bertanding pilihan raya?" tanya saya.

"Calon kawasan tanah lapang? Calon kawasan angin lintang?" jawab Malik sambil gelak besarnya memecah kesunyian malam. Jenaknya sinis tetapi itulah pernyataan Malik bahawa dia melakukan `semua ini' bukan untuk mengejar pangkat atau darjat.

Bagi kami yang biasa bergaul dengan Malik, pendirian perenang maraton ini memang sudah lama kami ketahui. Cuma soalan nakal itu diajukan untuk menduga semula Malik yang kebelakangan ini sibuk ke sana sini untuk membantu kempen pilihan raya.

Maklumlah, sekarang ini ramai yang tidur malamnya dikejutkan dengan mimpi manis `naik gajah' atau terjaga dengan rasa cemas kerana `gajah tiba-tiba duduk'. Dalam hal ini Datuk Malik mungkin cuma bermimpi akan `gajah berenang' dan kami warga kerja di EpG terus mengigau `gajah menaip'.

"Kenapa Datuk masih perlu mengambil segala risiko untuk buat kerja bahaya lagi?" tanya saya kepada Malik berhubung rancangannya merenangi Selat Bering. Selat itu penuh dengan bungkah ais dan belum ada lelaki lagi yang berenang menyeberangi laut yang memisahkan Russia dan Amerika Syarikat itu.

Datuk Malik sudah rapat dengan pemimpin paling tinggi waktu ini dan waktu dulu. Ramai orang yang dalam kedudukannya akan menggunakan peluang itu untuk melobi kontrak besar bagi hidup mewah sampai ke anak cucu.

"Saya buat ini adalah untuk menyatakan tanda terima kasih saya kepada pemimpin negara. Mereka harus dihargai. Bandingkan hidup kita dengan rakyat beberapa negara jiran, kita jauh lebih aman dan makmur.

"Lagipun saya tidak boleh berhenti selepas misi menawan Selat Inggeris. Saya masih bertenaga dan mahu Malaysia disebut lagi apabila rakyatnya menyeberangi Selat Bering," kata Malik yang sebenarnya sudah menyuarakan hasratnya menyeberangi Selat Bering kepada Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum misi Selat Inggeris berakhir.

Bagaimanapun Dr Mahathir yang ketika itu masih menjadi Perdana Menteri meminta Malik tumpukan dulu perhatiannya untuk menyeberangi Selat Inggeris.

Kini, ke mana Malik pergi dia masih disambut gembira wajah yang tidak pernah ditemuinya untuk mengucapkan tahniah kerana menyeberangi Selat Inggeris. Biarpun tidak sedia menjadi calon atau tidak dicalonkan bertanding pilihan raya, Malik sudah memenangi hati ramai rakyat Malaysia.

Wajah ceria dan salam ikhlas orang yang ditemui itulah membakar semangat Malik untuk kembali turun ke gelanggang untuk berbakti kepada masyarakat - iaitu kebolehannya menjadi penyuntik semangat kita semua bahawa rakyat Malaysia boleh!

"Apakah perasaan Datin Rahayu (Ahmad) apabila Datuk Malik sedia bersabung nyawa di Selat Bering?" tanya saya kepada isteri Malik. Sebagai pasangan yang baru berumah tangga pasti banyak yang harus dikorbankan jika misi menawan Selat Bering diteruskan.

Buat seketika Rahayu yang bakal menguruskan misi Selat Bering ini tergamam. Dengan nada sayang seorang isteri, dia berkata:" Kalau ini yang Datuk mahu lakukan saya reda dengan segala kemungkinan ...Saya tidak akan menyekat kehendaknya.'

Justeru dengan jawapan pendek Rahayu itu bermulalah satu misi panjang -

dua tahun - untuk memperkasakan semula Malik untuk merenangi Selat Bering.

Entah kenapa perbualan antara warga EpG dengan pasangan suami isteri itu terhenti seketika. Mungkin pengorbanan yang dicerminkan dari tutur kata Rahayu itu menyentuh perasaan kami hingga masa seolah terhenti.

Pengorbanan dan dahagakan kejayaan adalah inti pati hidup Malik - seorang pemuda yang masa remajanya tidak berpeluang bersuka-suka seperti mereka daripada keluarga berada. Dia membanting tulang melakukan pelbagai kerja untuk membantu keluarga.

Pegangan hidup Malik itu juga membeza antara atlit sejati atau mereka yang mudah patah hati apabila disapa cabaran.

Sebelum warga EpG menamatkan perbualan dengan Malik, beliau diminta meninggalkan pesan buat ahli sukan negara.

Pesanan Malik: "Apalah guna jika atlit kita cuma berlumba-lumba merebut tempat dalam skuad kebangsaan tetapi selepas mendapat tempat mereka berasa perjuangan mereka sudah selesai...."